

# HADHARI

INSTITUT ISLAM HADHARI / INSTITUTE OF ISLAM HADHARI



DISEMBER  
2021



**HADHARI**  
Perkuuh Hubungan  
Uzbekistan-Malaysia

# ISI KANDUNGAN / CONTENTS

- 02**  
Sidang Pengarang/*Editorial Board*
- 02**  
Visi /*Vision*
- 02**  
Misi /*Mission*
- 03**  
Kata-kata Aluan Pengarah /  
*Welcome Remarks of Director*
- 04**  
Artikel Pilihan /*Selected Article*
- 05**  
Penyelidikan/*Research*
- 06**  
Penerbitan/*Publications*
- 07**  
Pendidikan/*Education*
- 07**  
Kalendar 2021/*Calendar 2021*
- 08**  
Aktiviti/*Activities*
- 10**  
NADI HADHARI
- 11**  
Seminar/*Seminar*
- 12**  
Wacana Dan Forum/  
*Discourse and forum*
- 17**  
Jaringan Antarabangsa/  
*International Network*
- 18**  
Penghargaan/*Appreciation*

# SIDANG PENGARANG / EDITORIAL BOARD

## **Penasihat/Advisor**

Fariza Md Sham

## **Ketua Editor/Chief Editor**

Shamsul Azhar Yahya

## **Penolong Ketua Editor/**

## **Assistant Chief Editor**

Norshariani Abd Rahman

## **Editor/Editors**

Muhammad Hilmi Jalil

Siti Maheran Ismail @ Ibrahim

Siti Asuha Said

Zubaidah Mohd Nasir

Wan Muhammad Hazim Wan Mustapa

## **Jurugambar/Photographer**

Muhammad Rusydi Baharom

## **Pembantu Editor/Assistant Editor**

Saidatul Akma Saad

Luqman Hakim Suhaimi

Buletin ini diterbitkan oleh Institut Islam Hadhari UKM dan dikeluarkan setahun sekali  
*This bulletin is published by Institute of Islam Hadhari UKM and issued annually*

## **Visi/Vision**

Institut bertekad untuk Menjadi Pusat Kecemerlangan Muktabar dalam

Pembangunan Peradaban Islam Sejagat

*This Institute Aims to Become a Centre of Excellence in the Development of Islamic Civilization Globally*

## **Misi/Mission**

Menerajui Pendekatan Peradaban Islam Melalui Kegiatan Ilmiah

*Leading Islamic Civilizational Approach Through Scientific Activities*



Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah atas penerbitan buletin Hadhari 2021. Pada tahun 2021 Institut Islam Hadhari (HADHARI) telah memperluas jaringan dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama *Center of Islamic Civilization* dan *Imam Bukhari International Scientific Research Center*, Uzbekistan. Rentetan daripada MoU ini, *Seminar on Scholars of Islamic Civilization* telah diadakan melalui penganjuran bersama. Program bersama rakan strategik

di Uzbekistan diteruskan dengan program “*Virtual Tour to Bukhari: Islamic Art Exhibition*”. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Republik Uzbekistan kerana menganugerahkan Anugerah Kehormat bersempena 30 tahun Kemerdekaan Uzbekistan. Diharapkan kerjasama antara Institut Islam Hadhari dan Uzbekistan dapat melonjakkan perkembangan ilmu dalam Peradaban Islam. Kini, Uzbekistan telah mengembangkan jaringan kolaborasi dengan pelbagai agensi di Malaysia yang digerakkan oleh Pejabat Kedutaan Uzbekistan di Kuala Lumpur dengan Institut Islam Hadhari UKM sebagai perintis dalam memperluaskan hubungan tersebut.

Pada tahun 2021, HADHARI juga telah berjaya mendapatkan Profesor Emeritus iaitu Profesor Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Othman, Profesor tersohor iaitu Prof. Dr. Peter Hopkins dari *Newcastle University* dan Felo Kehormat HADHARI iaitu Prof. Dr. Siti Rugayah Hj. Tibek. Pelbagai bengkel telah dianjurkan bersama bagi memantapkan kompetensi felo dalam akademik, penyelidikan dan penerbitan. Lonjakan dalam dana penyelidikan yang diterima dan penerbitan buku, bab dalam buku, makalah jurnal berindeks serta jurnal *Quartile* pada tahun 2021 hasil daripada komitmen padu oleh felo-felo HADHARI amat dihargai. Persekutaran yang kondusif di HADHARI dengan naik taraf bilik felo, kemudahan bilik siswazah, bilik seminar dan bilik viva diharapkan dapat terus meningkatkan pencapaian pelajar dan felo. Akhir kata, semoga Institut Islam Hadhari (HADHARI) terus cemerlang di persada dunia dalam membangunkan Peradaban Islam. Tahniah dan terima kasih atas penerbitan Buletin HADHARI 2021.

**Prof. Dr. Fariza Md. Sham**

Pengarah Institut Islam Hadhari, UKM



## **HADHARI** **Perkuuh Hubungan Uzbekistan-Malaysia**

Republik Uzbekistan dan UKM telah lama menjalankan kolaborasi lebih daripada 20 tahun. Kedua-dua pihak telah mengadakan perkongsian dalam pelbagai bidang. Sejak 2020, UKM menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *The Center of Islamic Civilization (CISC)* dan *Imam Bukhari International Scientific Research Center*, Uzbekistan. Berdasarkan MoU ini, *Seminar on Scholars of Islamic Civilization* telah berjaya dilaksanakan pada 8 & 9 April 2021, yang dianjurkan dengan kerjasama Institut Islam Hadhari, UKM; *The Center of Islamic Civilization (CISC)*; dan *International Islamic Academy of Uzbekistan*.

Prof. Dr. Fariza Md Sham merupakan pengucaptama dalam *Seminar on Scholars of Islamic Civilization*. Pada September 2021, beliau telah dijemput sebagai penyampai dalam International Cultural forum “Central Asia at the Crossroads of World Civilizations”. Forum ini dianjurkan bersama oleh Kerajaan Uzbekistan dengan kerjasama UNESCO dan telah dirasmikan oleh Presiden Republik Uzbekistan. Beliau juga dijemput sebagai Pemerhati Antarabangsa dalam pilihan raya presiden Republik Uzbekistan pada Oktober 2021. Oleh itu, disebabkan sumbangan aktifnya dalam program yang dianjurkan oleh Republik Uzbekistan, beliau telah dianugerahkan Honorary Award “30 Year Independence of Uzbekistan” 2021.



# Menjejaki Legasi Imam Bukhari di Uzbekistan

Nurul Hafizah Mohd Nor

"Di semua bahagian lain di dunia, cahaya turun ke Bumi. Dari Samarkand dan Bukhara yang suci ia naik". Pepatah masyhur ini menggambarkan kepada kita betapa ilmu pengetahuan lahir dan bercambah dari kota Samarkand dan Bukhara, yang menjadikan tempat bertuah di bumi Uzbekistan ini lebih 'bercahaya' dengan limpahan ilmu berbanding kawasan geografi lain di dunia ini. Malah, Uzbekistan juga disebut sebagai 'A Land of Multifarious Geniuses'. Sejak zaman kegemilangan Islam lagi, tanah bertuah Uzbekistan telah melahirkan ratusan sarjana dan ilmuwan Islam yang banyak berjasa dalam Peradaban Islam, antaranya Imam at-Termizi, Imam al-Maturidi, Abu Rayhan Beruni, Ulugh Beg, Mahmud az-Zamakhshari, Davlatshah Samarcandi, Abdulkhalid Ghijduvani, Fakhr al-Islam al-Pazdavi dan Imam Bukhari.



Imam Bukhari merupakan seorang ilmuan Islam yang banyak menyumbang dalam dunia Islam melalui karya agung Sahih Al-Bukhari yang merupakan sumber kedua terpenting dalam Islam selepas Al-Quran. Imam Bukhari dilahirkan sebagai Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mugiyra bin Bardizbah bin Bazabzeh pada 13 Syawwal 194 H bersamaan 21 Julai 810 M. Beliau diberi gelaran Imam Bukhari sempena mengambil nama tempat kelahirannya, iaitu Kota Bukhara yang terletak di selatan tengah Uzbekistan. Selain daripada Sahih Al-Bukhari, Imam Bukhari juga telah mengarang lebih daripada 20 karya. Imam Bukhari telah meninggal dunia pada 1 Syawwal 256 H bersamaan 1 September 870 M dan dikebumikan di Khartank, sebuah perkampungan yang terletak berhampiran Kota Samarkand. Pada masa kini, sebuah pusat penyelidikan 'Imam Bukhari International Scientific Research Center' telah dibina bersebelahan makam

Imam Bukhari sebagai menghargai dan memelihara legasi ilmuwan Islam agung tersebut.

Selain menjalankan penyelidikan berkaitan legasi ilmu Imam Bukhari, pusat penyelidikan ini juga menempatkan sebuah muzium yang mempamerkan pelbagai peninggalan Imam Bukhari termasuklah salinan tulisan tangan manuskrip Sahih Al-Bukhari dari abad ke-18. Selain karya agung, antara peninggalan lain Imam Bukhari yang turut dapat dilihat sehingga ke hari ini adalah bekas dakwat dan lampu (abad ke-9), serta rehal buku, bekas pensel, batang lilit dan buku poket (abad ke-19).

Menelusuri legasi Imam Bukhari, dapat dilihat perjalanan menimba ilmu bukanlah sesuatu yang mudah. Imam Bukhari telah menempuh perjalanan sejauh 13,900 km selama lebih 40 tahun di atas landasan jihad ilmu. Malah, karya agung Sahih Al-Bukhari juga mengambil tempoh masa lama, iaitu 16 tahun untuk disiapkan oleh Imam Bukhari sendiri. Sesungguhnya, usaha dan perjuangan beliau bukanlah sia-

beliau sememangnya merupakan khazanah emas dalam Peradaban Islam yang kekal diwarisi dari generasi ke generasi sehingga ke hari ini.





# Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA (Prestasi 2019)

Siti Maheran Ismail @ Ibrahim

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan MyRA (Penilaian 2019) pada 07 Julai 2021 secara maya (atas talian). Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan yang sangat besar yang diberikan oleh fakulti/institut dan para penyelidik dalam memastikan UKM terus kekal cemerlang sebagai universiti penyelidikan. Institut Islam Hadhari buat julung kalinya telah berjaya menerima Anugerah Fakulti/Institut Cemerlang (Khidmat Profesional dan Hadiah) bidang Sains Sosial bagi kategori institut. Tahniah diucapkan kepada semua warga HADHARI.

## GERAN PENYELIDIKAN BAHRU YANG DILULUSKAN/DITERIMA PADA TAHUN 2021

Pada tahun 2021, Institut Islam Hadhari terus meningkatkan pendanaan penyelidikan di peringkat universiti, kebangsaan dan industri. Sebanyak 20 geran penyelidikan baharu telah diterima. Jumlah peruntukan yang diperolehi adalah sebanyak RM432,250.00. Pencapaian dalam memperolehi geran penyelidikan ini memberi peluang kepada warga Institut Islam Hadhari untuk menerokai kajian dalam empat (4) bidang tujuan iaitu Politik dan Kepimpinan; Sosio-Budaya; Pengurusan, Ekonomi dan Perniagaan; Sains & Teknologi, Kesihatan dan Alam Sekitar. Kerjasama strategik dengan institusi luar telah memberi peluang kepada warga HADHARI untuk menerajui penyelidikan yang dibiaya oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Pertubuhan Majlis Pembangunan Wanita Pahang.

JENIS GERAN	BILANGAN PROJEK PENYELIDIKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
Geran Universiti	5	130,000.00
Geran Kebangsaan	3	176,800.00
Geran Industri	2	69,350.00
Dana Pecutan Penerbitan	1	20,100.00
Dana Penerbitan Buku	9	36,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>20</b>	<b>432,250.00</b>

Siti Maheran Ismail @ Ibrahim

Pencapaian penerbitan Institut Islam Hadhari terus melonjak pada tahun 2021. Peningkatan dalam menghasilkan penerbitan buku, bab dalam buku, makalah jurnal berindeks dan jurnal *Quartile* jelas menunjukkan komitmen yang tinggi daripada warga Institut Islam Hadhari. Penglibatan dalam memberikan input dan menghasilkan kertas dasar/polisi menunjukkan keserjanaan serta kepakaran warga HADHARI terserlah di peringkat kebangsaan. Di samping itu, penghasilan penulisan dalam lain-lain penerbitan juga telah menyumbang kepada pencapaian penerbitan Institut Islam Hadhari.

JENIS PENERBITAN	BILANGAN	Jurnal Hadhari: An International Journal
Jurnal Berindeks WOS/ SCOPUS/ERA/ MyCite	<b>96 Makalah</b> WoS: 16 (IF: 38.987) Scopus: 47 WOS-ESCI: 27 ERA: 53 MyCite: 36 <i>Jurnal Quartile 1 (Q1): 7</i> <i>Jurnal Quartile 2 (Q2): 4</i> <i>Jurnal Quartile 4 (Q4): 3</i>	 <p><b>JURNAL HADHARI</b> AN INTERNATIONAL JOURNAL</p> <p><b>Call For Submission</b></p> <p>Jurnal Hadhari: An International Journal (ISSN: 1985-6830/ eISSN 2550-2271) is a refereed and indexed journal published by UKM Press, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM). Scope of the journal related to the studies on Islamic Civilization that cover multidisciplinary studies such as social cultural studies, history, philosophy, ethics, leadership, politics, media, economics, management, science &amp; technology, health and environmental studies.</p> <p>Currently Jurnal Hadhari: An International Journal is indexed in Ulrich, Google Scholar, Malaysian Citation Centre (MCC) &amp; MyCite.</p> <p>Submit your best paper to Jurnal Hadhari: An International Journal for publication in the coming issue of the journal via online submission system at:</p> <p><a href="http://ejournals.ukm.my/jhadhari/about/submissions#onlineSubmissions">http://ejournals.ukm.my/jhadhari/about/submissions#onlineSubmissions</a>.</p> <p>For further information, please visit <a href="http://ejournals.ukm.my/jhadhari">ejournals.ukm.my/jhadhari</a>.</p>
Prosiding Terindeks	<b>1</b>	
Kertas Dasar/ Polisi	<b>4</b>	
Buku	<b>23</b>	
Bab Dalam Buku	<b>38</b>	
Jurnal Lain-lain Indeks dan Jurnal Tidak Berindeks	<b>11</b>	
Prosiding / Pascasidang	<b>17</b>	
Laporan Penyelidikan	<b>3</b>	
Bahan Seminar / Persidangan	<b>24</b>	
Penulisan Popular Dalam Bidang	<b>14</b>	
Bahan Pengajaran / Penyebaran Ilmu	<b>94</b>	
Wawancara Akhbar / Majalah	<b>15</b>	
Wawancara TV / Radio	<b>194</b>	
Lain-lain	<b>3</b>	
<b>JUMLAH</b>	<b>537</b>	

**JUMLAH PELAJAR BERGRADUAT**

2021

**5** Doktor Falsafah  
**2** Sarjana

**JUMLAH PELAJAR HADHARI**

2021

**63** Doktor Falsafah  
**22** Sarjana

Disediakan oleh:  
Encik Luqman Hakim Suhaimi

# KALENDAR 2021

<b>19 Januari 2021</b> Bengkel Penerbitan Buku Suntingan (Penerbit Antarabangsa Tersohor) Bersama Professor Peter Hopkins	<b>02 Februari 2021</b> Bengkel Pembentangan Usulan Penyelidikan FRGS 2021	<b>5 &amp; 6 Februari 2021</b> 4 <sup>th</sup> International Seminar of Islamic Civilization (ISIC 2021).
<b>10 Mac 2021</b> Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara UKM dan Centre of Islamic Civilization in Uzbekistan.	<b>18 Mac 2021</b> Bengkel Percambahan Idea (Brainstorming) Cadangan Penyelidikan Geran Universiti Penyelidikan (GUP)	<b>22 Mac 2021</b> Forum Sirih Pulang Ke Gagang (Nadi HADHARI)
<b>25 Mac 2021</b> Forum Bil.1/2021 – Impact of Covid-19 on The Economy and Its Recovery Potentials using Islamic Banking Instruments	<b>31 Mac 2021</b> Bengkel Pembentangan dan Penilaian Permohonan GUP/GGPM/DIP di Peringkat HADHARI	<b>1 April 2021</b> Lawatan NC dan Majlis Perasmian
<b>02 April 2021</b> Bengkel Permohonan Dana Penerbitan Buku (DPB) 2021	<b>02 April 2021</b> Webinar - Publish Your Work In Q2/Q3 Social Science Journal: Tips From Editor, Professor Peter Hopkins	<b>5 April 2021</b> Forum Bil.2/2021 – Vaksin Covid-19 & Perspektif Islam
<b>8 &amp; 9 April 2021</b> Seminar On Scholars Of Islamic Civilization 2021	<b>12 April 2021</b> Majlis Meraikan Graduan Dan Penyelia.	<b>13 April 2021</b> Forum Bil.3/2021 – Pengurusan Air Yang Lestari: Apa Peranan Kita?
<b>30 April 2021</b> Webinar “International Research Grant (UK/EU): Tips From Evaluator”	<b>30 April 2021</b> Webinar International Research Grant (UK/UE): Tips From Evaluator, Professor Peter Hopkins	<b>3 Mei 2021</b> Wacana Hadhari Bil. 2/2021 “Zakat: Transformasi Digital” Wacana Hadhari Bil. 3/2021 “Menggapai Kecemerlangan Kerjaya Akademik”
<b>27 Mei 2021</b> Wacana Hadhari Bil. 4/2021: Virtual Tour to “Bukhari: Islamic Art Exhibition”	<b>2 Jun 2021</b> Webinar Menjadi Graduan Cemerlang dan G.O.T	<b>02 Julai 2021</b> Bengkel Penerbitan Buku Suntingan “Muslim Youth: Religious Life, Identity And Personality” Bersama Profesor Peter Hopkins
<b>07 Julai 2021</b> Bengkel Kesedaran Perlindungan Harta Intelek	<b>08 Julai 2021</b> Bengkel Perlombongan Harta Intelek & Pengisian Permohonan Di Sistem e-IPR	<b>29 Julai 2021</b> Seminar Wanita Dan Haji
<b>06 Ogos 2021</b> Bengkel Penerbitan Buku Suntingan “Muslim Youth: Religious Life, Identity And Personality” -Siri 2 Bersama Profesor Peter Hopkins	<b>06 Ogos 2021</b> Bengkel Penilaian Permohonan Geran Penyelidikan Kursi Syeikh Abdullah Fahim Tahun 2021	<b>13 Ogos 2021</b> Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Imam Bukhari International Scientific Research Center, Uzbekistan
<b>23 September 2021</b> Bengkel Penulisan Makalah Jurnal Berimpak Tinggi Bersama Profesor Peter Hopkins.	<b>28 September 2021</b> Sesi Perkongsian Penulisan Usulan Penyelidikan Geran Sumitomo (Sains & Sains Sosial)	<b>12 Oktober 2021</b> Sesi Perkongsian Penerbitan Makalah Jurnal Q1 dan Q2 dalam Bidang Pengajian & Peradaban Islam
<b>12 November 2021</b> Pertemuan bersama Pengarah dan Majlis Penghargaan Puan Zaidatul Akmal @ Sri Banun Dolmat	<b>19 November 2021</b> Bengkel Pemantauan Projek Penyelidikan Geran Kursi Sheikh Abdullah Fahim	<b>24 November 2021</b> Syarahan Kursi Sheikh Abdullah Fahim “Sumbangan Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia”
<b>6 Disember 2021</b> Majlis Penghargaan kepada Puan Faridah Binti Abdullah	<b>21 Disember 2021</b> Bengkel Pembentangan Usulan Penyelidikan FRGS 2022	

## Kunjungan Hormat Naib Canselor UKM dan Majlis Perasmian Naik Taraf Bangunan Institut Islam Hadhari, UKM.

Prof. Dato' Ts. Dr Ekhwan Toriman, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia telah membuat kunjungan hormat ke fakulti dan institut di UKM termasuk Institut Islam Hadhari. Kunjungan hormat ini bertujuan merapatkan hubungan antara pentadbiran tertinggi UKM dan semua ahli di institut serta mengenal pasti pencapaian dan hala tuju Institut Islam Hadhari, UKM pada masa akan datang. Kunjungan hormat ini juga merakamkan hari yang bersejarah dengan perasmian naik taraf bangunan Institut Islam Hadhari oleh Prof. Dato' Ts. Dr Ekhwan Toriman pada 1 April 2021.



## AKTIVITI SISWAZAH

 Disediakan oleh:  
 Encik Luqman Hakim Suhaimi

Institut Islam Hadhari telah menganjurkan pelbagai program kepada pelajar HADHARI bagi membantu meningkatkan kualiti pelajar daripada aspek sokongan kepada pengajian, penyelidikan serta memberi penghargaan kepada pelajar yang telah tamat pengajian.

### Taklimat Pelajar Baharu Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022

Sesi taklimat pelajar baharu Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022 telah diadakan pada 8 Oktober 2021 secara hibrid (Aplikasi Zoom dan Bilik Mesyuarat Aras 1, Institut Islam Hadhari, UKM). Taklimat ini disampaikan oleh Dr. Muhammad Hilm Jalil, Penyelaras SiswaZah, Institut Islam Hadhari. Jumlah pelajar baharu yang mendaftar bagi Semester 1 Sesi Akademik 2021/2022 seramai 5 Doktor Falsafah dan 2 Sarjana.



## MAJLIS MERAIKAN GRADUAN & PENYELIA INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM

Majlis Meraikan Graduan & Penyelia Institut Islam Hadhari, UKM telah diadakan pada 12 April 2021 bertempat Bilik Siswazah, Institut Islam Hadhari, UKM. Majlis ini meraikan 5 graduan Doktor Falsafah dan 2 graduan Sarjana.

### WEBINAR MENJADI GRADUAN CEMERLANG DAN G.O.T.

Webinar Menjadi Graduan Cemerlang dan G.O.T telah diadakan pada 2 Jun 2021, secara dalam talian Google Meet. Webinar ini disampaikan oleh Prof. Dr. Fariza Md Sham, Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM.

PROF DR FARIZA MD SHAM  
PENGARAH  
INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM

MENJADI  
GRADUAN  
CEMERLANG DAN  
G.O.T.  
2 JUN 2021 • 10 PAGI  
GOOGLE MEET

GREAT LEADERS START  
OFF AS GREAT FOLLOWERS  
Thank You

## Kolokium Siswazah Institut Islam Hadhari, UKM

### Pembentangan Hasil Kajian & Usulan Penyelidikan

Kolokium siswazah Institut Islam Hadhari, UKM telah diadakan pada 23 September 2021, secara dalam talian Google Meet. Kolokium siswazah ini merupakan medium untuk pelajar Institut Islam Hadhari membentangkan usulan penyelidikan dan pembentangan hasil kajian.

**KOLOKIUM SISWAZAH**  
INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM  
PEMBENTANGAN HASIL KAJIAN & USULAN PENYELIDIKAN  
23 SEPTEMBER 2021  
8.30 PAGI - 4.30 PETANG  
GOOGLE MEET FACEBOOK LIVE

ANJURAN:  
INSTITUT ISLAM HADHARI,  
PROF. DR. SIEWI ABDULLAH TAHIR,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

WEBSITE: [www.ukm.edu.my/hadhari](http://www.ukm.edu.my/hadhari) | TELEFON: 03-90541888 | FACEBOOK: Institut Islam Hadhari UKM | YOUTUBE: Institut Islam Hadhari UKM





## Sirih Pulang ke Gagang Siri 1/2021 “Menempa Kejayaan Bermula Langkah Pertama di Hadhari, UKM”

• 22 Mac 2021 • 10.30 pagi • Secara dalam talian Aplikasi Zoom

Selama 14 tahun, Institut Islam Hadhari (HADHARI) telah melahirkan graduan doktor falsafah dan sarjana yang berilmu dan komited dalam menyumbang bakti bagi memacu organisasi serta masyarakat. Sehingga 2021, seramai 35 orang graduan doktor falsafah dan 19 orang graduan sarjana. Oleh yang demikian, sebuah program khas bersama para Alumni Hadhari, UKM sangat wajar untuk dilaksanakan bagi mengetahui perkembangan mereka yang terkini serta berkongsi pengalaman dengan pelajar masa kini. Program ini boleh mewujudkan sebuah medium serta peluang interaksi sesama Alumni dan pelajar pascasiswazah semasa melalui perkongsian pengalaman, tips-tips penting sepanjang melalui tempoh pengajian dan perkara lain dalam kehidupan. Program ini merupakan kerjasama Institut Islam Hadhari, UKM dan Persatuan Siswazah NADI Hadhari dalam bentuk forum atau bicara santai. Program ini akan menjadi acara tahunan yang bersiri dengan topik yang berbeza. Ahli panel forum adalah dalam kalangan Alumni Institut Islam Hadhari, UKM.



Forum Alumni yang pertama diadakan adalah Sirih Pulang ke Gagang Siri 1/2021 yang bertajuk Menempa Kejayaan bermula Langkah Pertama di HADHARI, UKM telah diadakan pada 22 Mac 2021. Panel Alumni yang pertama ialah Dr. Norain Abdullah yang merupakan pensyarah di Management and Science University (MSU). Manakala, panel Alumni yang kedua ialah Dr. Shahrul Anuar Ali juga merupakan pensyarah Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

Forum Sirih Pulang ke Gagang Siri 2/2021 yang bertajuk “Pengalaman Mendewasakan Kita di HADHARI, UKM” telah diadakan pada 8 Oktober 2021. Panel Alumni pertama Dr. Izzati Mohamad, pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) dan Dr. Hairol Anuar Hj Mak Din, pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



## SEMINAR

### Seminar

Disediakan oleh:

Encik Luqman Hakim Suhaimi & Puan Siti Asuha Said



4<sup>th</sup> International Seminar on Islamic Civilization (ISIC 2021), anjuran Institut Islam Hadhari, UKM dengan kerjasama Department of Arabic Language and Culture, National Chengchi University, Taiwan; Fakulti Pengajian Islam, UKM; dan Pusat Citra Universiti (CITRA UKM), UKM telah diadakan pada 5 & 6 Februari 2021 secara dalam talian Google Meet.



## 4<sup>th</sup> International SEMINAR ON ISLAMIC CIVILIZATION (ISIC 2021)

5 & 6 February 2021

(23 & 24 Jumadilakhir 1442-1443H )

Gauge Room - <https://bit.ly/ISIC2021>

THE EXPERIENCES OF MUSLIM STUDENTS STUDYING IN THE NORTH EAST OF ENGLAND, UK.  
(4.00 P.M ON 6TH FEB 2021 )



Seminar on Scholars of Islamic Civilization (2021) telah diadakan pada 8 & 9 April 2021. Seminar ini dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, UKM dengan kerjasama Center of Islamic Civilization in Uzbekistan dan Embassy of the Republic of Uzbekistan di Malaysia secara dalam talian aplikasi zoom dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.

Bagi meneroka isu berkaitan dengan jemaah haji wanita, maka HADHARI mengambil inisiatif menganjurkan Seminar Wanita dan Haji pada 29 Julai 2021, secara dalam talian aplikasi zoom dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.



Hubungan HADHARI dengan Kyoto University, Japan terus diperkuuhkan dengan pengajuran 11<sup>th</sup> International Symposium on Islam, Civilization and Science (ISICAS 2021) pada 27 & 28 Oktober 2021, anjuran Institut Islam Hadhari, UKM dengan kerjasama Kyoto University; Asia-Japan Research Institute; Asia-Japan Research Institute-Ritsumeikan University dan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi. Simposium ini telah diadakan secara dalam talian aplikasi zoom dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.





WACANA HADHARI BIL.1/2021

## DARURAT, Perlembagaan Persekutuan dan Covid-19

**YBHG. PROF. DATIN DR. FARIDAH JALIL**

Akan diadakan pada

7 Jamadil Akhir 1442

**20 Januari 2021**

11.00 Pagi - 12.30 Tengah Hari

Anjuran:

Institut Islam Hadhari, UKM

Kerjasama dengan Fakulti Undang-Undang, UKM

[WWW.IIUM.MY/HADHARI](http://WWW.IIUM.MY/HADHARI)

03 - 89216988



f INSTITUT ISLAM HADHARI UKM

HADHARI sentiasa terkehadapan dalam membincangkan isu semasa masyarakat dan negara. Beberapa siri Wacana dan Forum telah diadakan. Siri Wacana Bil. 1/2021: Darurat, Perlembagaan Persekutuan dan COVID-19. Penceramah bagi wacana ini adalah YBhg. Prof. Datin Dr. Faridah Jalil, Fakulti Undang-undang, UKM pada 20 Januari 2021 secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.



### PERISTIWA DARURAT DI MALAYSIA



Forum Hadhari Bil. 1/2021: *Impact of COVID-19 on the Economy and Its Recovery Potentials Using Islamic Banking Instruments*. Ahli panel bagi forum ini terdiri daripada YBhg. Prof. Dr. Aisyah Abdul Rahman, Felo Utama Bersekutu HADHARI / Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM dan Prof. Dr. Suzuki Yasushi Ritsumeikan Asia Pacific University, Japan. Moderator adalah YBrs. Dr. Shifa Mohd Nor, Felo Bersekutu HADHARI / Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM pada 25 Mac 2021, secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.



FORUM HADHARI BIL.2/2021

# VAKSIN COVID-19 & PERSPEKTIF ISLAM


SELASA 10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI  
30 MAC 2021

Pengenalan ringkas mengenai vaksin

LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.

ZOOM

Forum Hadhari Bil. 2/2021: Vaksin COVID-19 & Perspektif Islam. Ahli panel bagi forum ini adalah Dr. Sharifah Azura Salleh, Jabatan Mikrobiologi & Imunologi Perubatan, Fakulti Perubatan, UKM & Encik Muhammad Nazir Alias, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Moderator adalah Dr. Shamsul Azhar Yahya Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM pada 30 Mac 2021 secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.



WEBINAR

## Da'wah in Japan: Opportunities and Challenges

Moderator:

Panelists:

Nazrul Anuar bin Nayan  
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Kyoichiro Sugimoto  
(Chiba Islamic Cultural Centre & Islamic Education and Research Academy)

Zulkarnain bin Hasan Basri  
(Japan Da'wah Centre, Nippon Muslim Corp)

SATURDAY 9 - 11 AM  
3rd APRIL 2021

LIVE (in Japanese Language. Recorded will be with subtitles)  
ライブテレビ放送 (日本語で、録音には字幕が付いてきます)

日本ダawahセンター

Webinar Dakwah in Japan: Challenges & Opportunities, ahli panel bagi webinar ini adalah Kyoichiro Sugimoto, Pengurus Chiba Islamic Cultural Center, Jepun; dan Zulkarnain bin Hasan Basri, Japan Da'wah Center, Nippon Muslim Corp, Jepun. Moderator adalah Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar bin Nayan, Pensyarah Kejuruteraan Elektrik, Elektronik & Sistem, Fakulti Kejuruteraan Alam Bina, UKM & Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM pada 3 April 2021. Istimewanya Webinar ini apabila ia dilaksanakan sepenuhnya dalam Bahasa Jepun untuk sasaran masyarakat di Jepun.

Japan Da'wah Centre in Osaka

ACTIVITY

Zoom LIVE

Kami menjalankan program setiap minggu, boleh dikatakan 5 kali seminggu

Dakwah in Japan: Opportunities and Challenges. A. R. Y. J. L. E. E. X. We Japanese, Malay translation.

CHIBA ISLAMIC CULTURAL CENTER (SINCE 1994)

Seramai 37 orang kesemuanya dan 30 orang adalah pelajar dari Malaysia.


Dakwah in Japan: Opportunities and Challenges. A. R. Y. J. L. E. E. X. We Japanese, Malay translation.



Forum Hadhari Bil. 3/2021 : Pengurusan Air yang Lestari: Apa Peranan Kita? Ahli panel bagi forum ini YBhg. Datuk Seri Prof. Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air; Prof. Dr. Mazlin Mokhtar, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI, UKM) & YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff (UM), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Moderator adalah Dr. Norshariani Abd Rahman, Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM pada 12 April 2021, secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.



Siri Wacana Hadhari Bil.2/2021 Zakat: Transformasi Digital. Ahli panel wacana adalah Dr. Shamsul Azhar Yahya, Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari, UKM & Ustaz Ahmad Husni Abdul Rahman, Pengurus, Unit Shariah, PPZ-MAIWP. Moderator adalah Dr. Shifa Mohd Nor, Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM pada 27 April 2021, secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.



Siri Wacana Hadhari Bil.3/2021 Menggapai Kecemerlangan Kerjaya Akademik. Penceramah bagi wacana ini adalah Prof. Dr. Siti Rugayah Tibek, Profesor Kehormat, Institut Islam Hadhari, UKM. Moderator adalah Dr. Farah Ayuni Mohd Hatta, Felo Penyelidik, Institut Islam Hadhari pada 4 Mei 2021, secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari.



**Wacana Hadhari Bil. 4/2021: Virtual Tour to Bukhari: Islamic Art Exhibition.** Prof Madya Dr. Roziah Sidik @ Mat Sidek, Fakulti Pengajian Islam, UKM/ Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari, UKM; Prof Dr. Mohd Roslan Mohd Nor, Universiti Malaya & Prof. Dr. Kamaruzaman Yusof, Universiti Teknologi Malaysia pada 31 Mei 2021 secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang Facebook Institut Islam Hadhari. Wacana ini merupakan anjuran Institut Islam Hadhari, UKM dengan kerjasama *Imam Bukhari International Scientific-Research Center (Uzbekistan)*, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, *University of Leicester*, *Dacore IT LLC* dan *Embassy of the Republic of Uzbekistan in Malaysia*.



**Forum Insight Story of Gaza-Israel Conflicts.** Ahli panel terdiri daripada YBhg. Prof. Dr. Sufian Jusoh Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, UKM; YBhg. Prof. Dr. Khamis Elesi, Gaza University & Tuan Muhammad Nadir Al Nuri Rakyat Malaysia di Palestin. Moderator adalah Dr. Mohd Hafiz Safiai, Felo Bersekutu, Institut Islam Hadhari UKM/ Fakulti Pengajian Islam, UKM pada 10 Jun 2021, secara atas talian siaran secara langsung di laman sesawang *Facebook* Institut Islam Hadhari. Forum ini adalah anjuran bersama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM.



Bicara Minda Kreatif “Kerangka Penulisan Kreatif Berdasarkan Penceritaan Al-Quran”. Penceramah bagi wacana ini adalah Prof. Dr. Siti Rugayah Tibek, Profesor Kehormat, Institut Islam Hadhari, UKM pada 22 Julai 2021, secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang *Facebook* micmi.usim.



Siri Wacana Bil. 5/2021 bertajuk: Hak Kanak-Kanak Pelarian: Pendidikan. Penceramah adalah Prof. Madya Dr. Mohd Al Adib Samuri, Timbalan Pengarah, Institut Islam Hadhari, UKM pada 17 Disember 2021, secara dalam talian dan siaran secara langsung di laman sesawang *Facebook* Institut Islam Hadhari.





50<sup>th</sup>

Uzdar  
hadhari



## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA, UKM



CENTER OF ISLAMIC  
CIVILIZATION IN UZBEKISTAN



BILIK SENAT, ARAS 5,  
BANGUNAN CANSELORI, UKM



ZOOM



LIVE

12.30 TENGAH HARI - 2.00 PETANG  
**10 MAC 2021**

**RABU**  
26 REJAB 1442



## Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan *Imam Bukhari International Scientific Research Center, Uzbekistan*

Pada 13 Ogos 2021-Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Islam Hadhari telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Imam Bukhari International Scientific Research Center Uzbekistan* secara langsung. MoU ini telah ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, Naib Canselor, UKM UKM dan Assoc. Prof. Dr. Shovosil Ziyodov, Pengarah, *Imam Bukhari International Scientific Research Center, Uzbekistan*

Disediakan oleh:  
Encik Luqman Hakim Suhaimi

## Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dan *Center of Islamic Civilization in Uzbekistan*

Pada 10 Mac 2021-Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Institut Islam Hadhari telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Center of Islamic Civilization (CICU) in Uzbekistan* secara langsung.

Majlis ini ditandatangani antara Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab Mohamad bagi mewakili Naib Canselor UKM dan Pengerusi *Center of Islamic Civilization in Uzbekistan*, Shoazim Monavarov dan disaksikan oleh Pengarah Institut Islam Hadhari, Prof Dr Fariza Md Sham dan Tuan Yang Terutama Ravshan Usmanov, Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia serta Felo Bersekutu Institut Islam Hadhari. Tetamu lain yang hadir ialah Prof Madya Dr Mohd Al Adib Samuri, Timbalan Pengarah Institut Islam Hadhari.

## SIGNING CEREMONY MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU)

UNIVERSITI KEBANGSAAN  
MALAYSIA, UKM & IMAM BUKHARI INTERNATIONAL  
SCIENTIFIC RESEARCH CENTER,  
UZBEKISTAN

ZOOM MEETING

2.30 P.M - 2.50 PM

**13 AUGUST 2021**

**FRIDAY**  
4 MUHARRAM 1443



# Tahniah

## PROF. EMERITUS DATO' DR. MOHD YUSOF HJ OTHMAN

INSTITUT ISLAM HADHARI

Mohd Yusof Hj Othman dilahirkan di Paya Keladi, Kepala Batas, Seberang Perai pada 12 Ogos 1952. Beliau mempunyai Kepakaran dalam tenaga keterbaharuan (solar) serta bidang Sains dan Islam. Beliau kini merupakan Professor Emeritus di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah mantan Pengarah Institut Islam Hadhari, sejak dari awal penubuhan pada tahun 2007 sehingga bersara pada tahun 2018. Beliau merupakan mantan Profesor dalam bidang fizik di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau dianugerahkan Profesor Emeritus dalam bidang sains dan Islam atas sumbangan yang cemerlang dalam menghubungkan antara Ilmu Falsafah Sains dengan Tauhid. Sepanjang lebih 30 tahun beliau dalam bidang akademik, Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof telah menerima lebih 15 anugerah antarabangsa dan lebih 30 anugerah di peringkat kebangsaan.



### Sekalung Penghargaan Dan Terima Kasih


**Puan Zaidatul Akmal @ Sri Bainun Dolmat**  
yang telah berkhidmat sebagai Pembantu Setiausaha  
Pejabat Institut Islam Hadhari, UKM,  
16 Mac 2009 sehingga 14 November 2021.



**Sekalung Penghargaan & Terima Kasih**  
**PUAN ZAI DATUL AKMAL @ SRI BAINUN DOLMAT**  
Di atas segala sumbangan dan sokongan  
sepanyang berkhidmat sebagai  
**PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM**  
Sehingga 14 November 2021  
IKHLAS DARIPADA  
WARGA INSTITUT ISLAM HADHARI



**Puan Faridah Abdullah**  
yang telah berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir,  
Institut Islam Hadhari, UKM, 1 Mac 2012 sehingga  
3 Disember 2021.



**Prof. Peter Hopkins, Professor of Social Geography, Newcastle University, England** atas pelantikan sebagai Profesor Antarabangsa Tersohor (PAT) Institut Islam Hadhari bermula pada 15 November 2020 sehingga 14 November 2021.



*Selamat Datang*  
Institut Islam Hadhari  
mengucapkan  
selamat bertugas  
kepada :



**Prof. Dr. Siti Rugayah Hj Tibek**  
sebagai Profesor Kehormat bermula  
4 Januari 2021 hingga 3 Januari 2023.



**Cik Nurul Syahada Din**  
bermula pada 22 Mac 2021.



**Dr. Nurul Hafizah Mohd Nor**  
bermula pada 1 Oktober 2021.



**Puan Noor Hayati Ahmad Rasol**  
bermula pada 08 Februari 2021.



**Puan Nabila Wahida Musa**  
bermula pada 15 November 2021.



UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

# HADHARI

BULETIN

INSTITUT ISLAM HADHARI / INSTITUTE OF ISLAM HADHARI



[www.ukm.my/Hadhari](http://www.ukm.my/Hadhari)



03-8921 6988



Institut Islam Hadhari UKM